

Ekonomi berkembang 4.2 peratus suku pertama atasi jangkaan

Pencapaian disokong perbelanjaan swasta, pertumbuhan eksport positif

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Alzahrin Alias
bhbiz@NSTP.com.my

Ekonomi Malaysia berkembang 4.2 peratus pada suku pertama 2024, mengatasi unjuran awal pasaran 3.9 peratus, disokong perbelanjaan swasta lebih kukuh dan pertumbuhan eksport yang positif.

Tinjauan ahli ekonomi oleh *Reuters* mengunjurkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 3.9 peratus bagi tempoh Januari hingga Mac 2024, sepadan dengan unjuran awal dibuat Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Shaik Abdul Rasheed Abdul Ghaffour, berkata perbelanjaan isi rumah lebih tinggi pada suku pertama itu berikutnya pertumbuhan guna tenaga dan upah berterusan.

Beliau berkata, aktiviti pelaburan lebih giat disokong oleh perbelanjaan modal sektor swasta dan



Abdul Rasheed (empat dari kanan) bersama Mohd Uzir (empat dari kiri) pada sidang media mengumumkan Prestasi Ekonomi Suku Pertama 2024 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

sektor awam yang lebih tinggi.

Katanya, eksport kembali pulih berikutan permintaan luaran lebih tinggi.

"Ekonomi Malaysia berkembang pada kadar lebih pantas 4.2 peratus suku pertama 2024, didorong perbelanjaan swasta dan pemulihan dalam eksport."

"Pertumbuhan pada 2024 akan disokong pengembangan berasaskan dalam permintaan dan peningkatan dalam permintaan luaran," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media mengumumkan Prestasi Ekonomi Suku Pertama 2024 di Kuala Lumpur, semalam. Hadir sama, Ketua Perangkaan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd

Uzir Mahidin.

Pada suku itu, kebanyakannya sektor mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi dengan perkilangan meningkat berikutan pemulihian dalam industri elektrik dan elektronik (E&E) serta industri bukan E&E.

Pertumbuhan lebih kukuh bagi sektor perkhidmatan didorong aktiviti perdagangan runcit lebih tinggi dan sokongan berterusan daripada subsektor pengangkutan dan penyimpanan.

Mengenai inflasi, Abdul Rasheed berkata, kadar keseluruhan kekal sederhana pada 1.7 peratus suku pertama.

Beliau berkata, peningkatan sederhana dalam inflasi keseluruhan meningkat kepada 5.2 peratus.

han itu mencerminkan pelarasan dasar tarif air pada Februari dan cukai perkhidmatan bagi penggunaan elektrik yang tinggi pada Mac, dengan masing-masing meningkat 20.8 peratus dan 0.7 peratus.

Kadar inflasi teras turun

Katanya, inflasi teras berkurangan kepada 1.8 peratus berbanding 2 peratus pada suku keempat 2023, sebahagian besarnya didorong inflasi segmen makanan dan minuman yang terus reda.

Mengenai keadaan pembiayaan pada suku pertama 2024, BNM berkata, pertumbuhan kredit kepada sektor swasta bukan kewangan meningkat kepada 5.2 peratus.

Bank pusat itu berkata, ia disokong pertumbuhan lebih tinggi untuk pinjaman terkumpul bagi perniagaan dan isi rumah, manakala pertumbuhan bor korporat terkumpul meningkat pada kadar lebih sederhana 3.2 peratus.

Katanya, pertumbuhan pinjaman perniagaan lebih tinggi didorong, terutama oleh peningkatan lebih tinggi dalam pinjaman berkaitan pelaburan.

"Pertumbuhan pinjaman terkumpul isi rumah pula lebih tinggi bagi kebanyakan tujuan pinjaman, mencerminkan permintaan terhadap pinjaman yang berterusan terutamanya bagi pembelian rumah dan kereta," tambahnya.